LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN KHAIRAT KEMATIAN KARIAH MASJID TAMAN TUNKU SARINA, JITRA, KEDAH

DARI 27 MEI 2016 HINGGA 19 OGOS 2016

Bil	Tarikh	Aktiviti
1.	27 Mei 216	Mesyuarat Penaja diadakan di Masjid Taman Tunku Sarina dengan dihadiri oleh 70 orang penduduk kariah Masjid Taman Tunku Sarina. Senarai nama Jawatankuasa (JK) yang dilantik:- i. Pengerusi - Tn. Haji Abu Hassan bin Othman ii. Timbalan Pengerusi - En. Budi Ismadi bin Ismail iii. Setiausaha - En. Azhar bin Sudin iv. Penolong Setiausaha – En. Zahari bin Mohamed v. Bendahari - En. Rosli bin Said vi. AJK - En. Mohamad Nasir bin Rejab vii. AJK - En. Othman bin Saad viii. AJK - En. Othman bin Mustafa ix. AJK - En. Mohd Hafiz bin Sawai x. Juruaudit - Tn. Haji Mukhtar bin Hj. Ahmad xi. Juruaudit - En. Mohd Firkin bin Selamat
2.	4 Jun 2016 10 Jun 2016 24 Jun 2016 1 Ogos 2016	Sebanyak 4 kali mesyuarat penaja diadakan untuk membincangkan perlembagaan pertubuhan, pendaftaran pertubuhan dan hal-hal lain yang dipengerusikan oleh Tn. Haji Abu Hassan bin Othman dan Tn. Haji Mukhtar bin Hj. Ahmad. Mesyuarat juga dihadiri oleh JK Masjid Tuan Imam Tn. Hj. Mohamad Asri bin Othman dan Cikgu Azhar bin Ramli.
3.	27 Mei 2016 Hingga 19 Ogos 2016	Seramai 258 orang penduduk kariah Masjid Taman Tunku Sarina telah menyertai Persatuan Khairat Kematian Kariah Masjid Taman Tunku Sarina (PKKKMTTS), Jitra, Kedah
4.	16 Jun 2016	Sesi perjumpaan Khas dengan wakil pemaju BDB Land iaitu En. Shahid telah bersetuju dan membenarkan hasrat menggunakan tanah perkuburan bagi tujuan pengebumian anak Kariah Masjid Taman Tunku Sarina. JK PKKKMTTS juga melakukan lawatan tapak perkuburan yang dihadiri oleh En. Shahid beserta 5 orang JK PKKKMTTS. Tanah perkuburan tersebut terletak bersebelahan Apartmen Kos Rendah Taman Tunku Intan Shafinaz.
5.	24 Jun 2016	Mesyuarat Penaja Bil.3 dipengerusikan oleh Tuan Haji Abu Hassan Bin Othman di Masjid TTS selepas Solat Jumaat. Mesyuarat juga menjemput khas Penasihat Masjid TTS Tn. Sheikh Ahmad Muzammil, Tuan Imam & Pengerusi Masjid TTS Tn.Hj. Mohamad Asri bin Othman & amp; Ketua Biro Kebajikan Masjid TTS En. Azhar Bin Ramli. Mesyuarat membincangkan agenda pengurusan kubur dan Pembentangan Khas Laporan Perjumpaan dangan BDB Land kepada Penasihat / Imam & amp; Biro Kebajikan Masjid TTS. Selain itu, mesyuarat Bil.3 membincangkan dan fokus untuk Sesi Pertemuan dengan AJK Masjid Al Muhsinin & amp; Badan Khairat Al

		Muhsinin bagi membincangkan Pengurusan Tanah Kubur Bandar Darulaman yang bakal diadakan.
6.	29 Jun 2016	Persatuan Khairat Kematian Kariah Masjid Taman Tunku Sarina, Jitra, Kedah (PKKKMTTS) telah diserahkan ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan pada 29 Jun 2016 dan telah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bertarikh 2 Julai 2016 beserta Nombor Pertubuhan : PPM-024-02-21072016. Semasa pendaftaran dibuat nama Tn. Haji Abu Hassan bin Othman dan En. Rosii bin Said terpaksa digugurkan, kerana mengikut syarat Pendaftar Pertubuhan Ahli JK tidak boleh melebihi usia 60 tahun. Dengan itu Tn. Haji Mukhtar bin Hj. Ahmad dilantik sebagai Pengerusi Penaja dan En. Mohd Firkin bin Selamat sebagai AJK setelah mendapat persetujuan semua ahli.
7.	18 Julai 2016	Mesyuarat bersama Masjid Al-Muhsinin bagi menbincangkan berkenaan pengurusan Tanah Kubur Bandar Darul Aman. Hasil dari mesyuarat tersebut satu jawatankuasa pengurusan kubur yang terdiri dari ahli Masjid Taman Tunku Sarina, ahli Masjid Al-Muhsinin, ahli PKKKMTTS dan ahli Khairat Al-Muhsinin telah direalisasikan. 7 orang JK pengurusan Kubur telah dilantik yang terdiri daripada 3 orang wakil Khariah Masjid Taman Tunku Sarina dan 4 orang wakil Khariah Masjid Al-Muhsinin. Pengerusi - Tn. Haji Munir bin Haji Zakaria (Masjid Al- Muhsinin) Wakil JK Pengurusan kubur Masjid Taman Tunku Sarina ialah:- i. En. Budi Ismadi bin Ismail sebagai Timbalan Pengerusi, ii. En. Azhar bin Ramli sebagai Setiausaha dan, iii. En. Othman bin Mustafa sebagai AJK
8.	10 Ogos 2016	Wakil PKKKMTTS, Masjid TTS dan JK Tanah Kubur Bandar Darulaman menghadiri taklimat khas pengurusan kubur dan lawatan ke tanah kubur di Sungai Petani. Taklimat tersebut dianjurkan oleh Pengurusan Tanah Kubur Islam Riadhatul as- Solihin (Sungai Petani Timur) dan Pengurusan Tanah Kubur Islam Riadhatul Mawaddah (Sungai Petani Barat). Taklimat tersebut juga dikelolakan oleh Pejabat Agama Kubang Pasu dan Pejabat Agama Kuala Muda. Tujuan taklimat terseut adalah mendapatkan maklumat pengurusan kubur yang sistematik dan moden.
9.	12 Ogos 2016	Satu Lawatan tanah perkuburan TTIS bersama JK Masjid Al-Muhsinin dengan beberapa orang wakil dari PKKKMTTS.
10.	14 Ogos 2016	Mesyuarat bersama JK Masjid Al-Muhsinin untuk membincangkan pelan tindakan bagi mendapat kelulusan dan menggunakan penggunaan tanah kubur. Juga menbincangkan sistem pengurusan kubur, kaedah dan teknik pengebumian, penetapan undang – undang tanah perkuburan yang berlandaskan syariah, penyediaan pelan lot – lot kubur yang terperinci, tindakan dan kerja- kerja pembersihan, penambahbaikan

		prasarana / utiliti, perlantikan khas jurukebumi / penjaga tanah kubur, lanskap dan keceriaan. Mesyuarat juga memberi fokus untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan kerja – kerja pembersihan tanah kubur dan memulakan operasi daripada BDB Land, IPD Polis Kubang Pasu, Pejabat Agama & MAIK. Mesyuarat juga bersetuju menambah 2 orang AJK bagi mewakili surau As – Siddiqin TTS dan wakil Kelubi Luar / Kelubi Dalam. Hasil mesyuarat telah bersetuju memberi nama "Tanah Perkuburan Islam Darulaman (Kariah Darulaman Height & amp; Kariah Masjid Taman Tunku Sarina) sebelum dibentangkan dan dimuktamadkan kepada Pejabat Agama dan BDB Land. JK Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Darulaman meletakkan satu matlamat untuk memulakan operasi / menggunakan tanah kubur tersebut pada 1 Muharram 1438 Hijriah akan datang.
11.	19 Ogos 2016	Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Khairat Kematian Kariah Masjid Taman Tunku Sarina Yang Pertama diadakan untuk memilih Ahli Jawatankuasa Baru 2016/2017 :- i. Seorang Pengerusi ii. Seorang Timbalan Pengerusi iii. Seorang Setiausaha iv. Seorang Penolong Setiausaha v. Seorang Bendahari vi. Empat orang Ahli Jawatankuasa Biasa vii. Dua orang Pemeriksa Kira-Kira

Disediakan oleh

AZHAR SUDIN
Setiausaha PKKKMTTS